

**SUKAN MALAYSIA IX, 2002**  
**PERATURAN PERTANDINGAN BADMINTON**  
**(LELAKI & WANITA )**

**1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang PERSEKUTUAN BADMINTON ANTARABANGSA (IBF).
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang PERSEKUTUAN BADMINTON ANTARABANGSA (IBF).
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Badminton SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

**2.0 TARIKH PERTANDINGAN**

05 Sept hingga 13 Sept, 2002.

**3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

Dewan Serbaguna,  
Kompleks Sukan Kota Kinabalu,  
Sabah.

**4.0 PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.
- 4.2 Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan Lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada :-

	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pengadil	1 orang	-
Peserta	6 orang	6 orang
<b>JUMLAH</b>	<b><u>9 orang</u></b>	<b><u>7 orang</u></b>

## 5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan, dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am

Perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
  - 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
  - 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat dermasiswa/biasiswa daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
  - 5.7 Seseorang pemain kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
  - 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.
- 6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN
- 6.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
  - 6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau Pasport Antarabangsa, dokumen pendaftaran, JPN 1/9 atau JPN 1/11 yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
  - 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## 7.0 ACARA-ACARA

7.1 Acara-acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut :-

### 7.1.1 Berpasukan

- a) Lelaki (3 perseorangan, 2 bergu)
- b) Wanita (3 perseorangan, 2 bergu)

### 7.1.2 Individu

- a) Perseorangan Lelaki (2 peserta)
- b) Bergu Lelaki (2 bergu)
- c) Perseorangan Wanita (2 peserta)
- d) Bergu Wanita (2 bergu)
- e) Bergu Campuran (2 bergu)

7.2 Setiap peserta hanya dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam 2 (dua) acara individu sahaja.

## 8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Pertandingan Berpasukan Lelaki dan Wanita :-

8.1.1 Di mana penyertaannya terdiri daripada lapan (8) hingga sepuluh (10) pasukan, pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan 'A' dan 'B'.

8.1.1.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadi pasukan Pilihan atau Seeded. Pasukan Johan dan pasukan tempat keempat akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A', pasukan Naib Johan dan tempat ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'B'. Pasukan-pasukan yang

lain akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.

8.1.1.2 Pemenang-pemenang pertama dan kedua dalam kumpulan 'A' dan 'B' layak memasuki peringkat separuh akhir yang dijalankan seperti berikut :-

'A1'	mln	'B2'
'A2'	mln	'B1'

8.1.1.3 Pemenang-pemenang dalam perlawanan tersebut akan memasuki pertandingan Akhir bagi menentukan Pasukan Johan dan Naib Johan. Pasukan yang kalah akan bermain bagi menentukan tempat ketiga dan keempat.

8.1.2 Di mana penyertaannya terdiri daripada sebelas (11) pasukan, pertandingan di peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam tiga kumpulan iaitu kumpulan 'A', 'B' dan 'C'.

8.1.2.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadi pasukan Pilihan atau Seeded. Pasukan Johan dan pasukan tempat keempat akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A', pasukan Naib Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'B' dan pasukan tempat ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'C'. Pasukan-pasukan yang akan diundi bagi menentukan kumpulan masing-masing.

8.1.2.2 Pemenang-pemenang pertama dan kedua dalam kumpulan 'A', 'B' dan 'C' layak memasuki peringkat kedua yang akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan 'X' dan 'Y'

- 8.1.2.3 Pemenang pertama dalam kumpulan 'A', 'B' dan 'C' akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'X' dan 'Y' mengikut proses undian. Pemenang kedua dalam kumpulan 'A', 'B' dan 'C' akan ditempatkan dalam kumpulan 'X' atau 'Y' dimana pemenang pertama kumpulan asalnya tidak ditempatkan.
- 8.1.2.4 Pemenang pertama dalam kumpulan 'X' dan 'Y' akan memasuki perlawanan akhir bagi menentukan pasukan Johan dan Naib Johan. Pemenang kedua dalam kumpulan 'X' dan 'Y' akan bermain bagi menentukan tempat ketiga dan keempat.
- 8.1.3 Dimana penyertaannya terdiri daripada dua belas (12) atau lebih, pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam empat (4) kumpulan iaitu kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D'.
- 8.1.3.1 Keempat-empat pasukan yang berjaya ke peringkat separuh akhir di SUKAN MALAYSIA VIII, 2000 akan menjadi pasukan pilihan atau seeded. Pasukan Johan akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'A', pasukan Naib Johan akan mengetuai kumpulan 'B', pasukan tempat ketiga akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'C' dan pasukan tempat keempat akan dimasukkan ke dalam kumpulan 'D'. Pasukan-pasukan yang lain akan diundi menentukan kumpulan masing-masing. Pemenang Pertama kumpulan A,B,C dan D layak memasuki peringkat separuh akhir yang dijalankan seperti berikut :-

A Lawan C

B Lawan D

Pasukan yang menang akan bertanding bagi menentukan Johan dan Naib Johan. Sementara pasukan yang kalah akan bertanding bagi menentukan tempat ketiga.

- 8.1.4 Sekiranya pemain perseorangan pertama dikehendaki bermain dalam perlawanan bergu pertama, maka perlawanan bergu kedua akan dijalankan dahulu.
- 8.1.5 Senarai pemain bagi setiap perlawanan mengikut ranking hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pertandingan atau Pengadil Kehormat satu (1) jam sebelum waktu permulaan mengikut susunan Format Kejohanan Piala Thomas/Uber seperti di atas.
- 8.1.6 Senarai nama pemain yang telah diserahkan itu tidak boleh diubah walaupun berlaku keuzuran.
- 8.1.7 Pertandingan di dalam kumpulan yang dijalankan secara liga, sistem pemberian mata adalah seperti berikut :-

MENANG	KALAH
2 mata	0 mata

- 8.1.8 Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan kiraan mata diperolehi sama oleh lebih daripada satu pasukan maka keputusan akan ditentukan seperti berikut :-
  - 8.1.8.1 Jika dua (2) pasukan yang terlibat, pasukan yang telah mengalahkan lawannya di peringkat kumpulan akan dikira pemenang.
  - 8.1.8.2 Jika lebih dari dua (2) pasukan yang terlibat pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan (difference) dari jumlah perlawanan (matches), set

dan angka-angka mata yang telah diperoleh oleh pasukan-pasukan berkenaan.

8.1.8.3 Jika diparas 8.1.8.1 dan 8.1.8.2 didapati sama, maka pasukan-pasukan berkenaan akan diputuskan secara undian.

## 8.2 Pertandingan Acara Perseorangan dan Bergu

8.2.1 Setiap pasukan hanya dibenar mendaftarkan peserta seperti berikut :-

8.2.1.1 Dua (2) Perseorangan Lelaki

8.2.1.2 Dua (2) Bergu Lelaki

8.2.1.3 Dua (2) Perseorangan Wanita

8.2.1.4 Dua (2) Bergu Wanita

8.2.1.5 Dua (2) Bergu Campuran

8.2.2 Semua acara perseorangan dan beregu ini akan dipertandingkan secara Kalah Mati dan mengikut Peraturan-Peraturan Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF)

8.2.3 Setiap pasukan hendaklah bersanggupan bermain lebih dari satu perlawanan sehari. Jika dijadualkan bermain lebih dari satu perlawanan dalam sehari maka masa rehat selama tiga puluh (30) minit akan diberi di antara perlawanan tersebut.

## 9.0 MENARIK DIRI

9.1 Pasukan yang terlewat lima belas (15) minit dari masa yang dijadualkan bermain adalah dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawannya itu.

- 9.2 Menarik diri (walk over) tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, pasukan atau peserta yang berkenaan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan.
- 9.3 Keputusan-keputusan pertandingan yang terdahulunya bagi pasukan atau peserta yang berkenaan tidak diambilkira.

#### 10.0 PENGADIL/HAKIM GARISAN

- 10.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang (1) pengadil yang bertauliah sekurang-kurangnya Gred 2 bersama-sama pasukannya.
- 10.2 BAM akan melantik pengadil-pengadil tambahan jika didapati selepas berunding dengan Jawatankuasa Pengelola SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
- 10.3 Pengarah Pertandingan dan Delegat teknikal akan dilantik oleh Persatuan Badminton Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
- 10.4 Pengarah Pertandingan/Teknikal Delegat dari Bam akan melantik Referi, Pengadil-Pengadil dan Hakim garisan yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang pertandingan berlangsung.

#### 11.0 BANTAHAN/TATATERTIB

- 11.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 tunai.
- 11.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

- 11.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Referi Kejohanan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.

## 12.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 12.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan Prosedur Aturcara mesyuarat mengikut yang digunakan oleh Persatuan Badminton Malaysia. Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib adalah seperti berikut :-

12.1.1 Setiausaha Agung BAM/Wakil

12.1.2 Teknikal Delegat yang dilantik oleh BAM

12.1.3 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan itu

- 12.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Referi atau Pegawai Pertandingan disampaikan dan akan membuat keputusan sama ada tindakan tatatertib perlu diambil.

- 12.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

## 13.0 HADIAH-HADIAH

- 13.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :-

	EMAS	PERAK	GANGSA
<i>Lelaki</i>			
Perseorangan Lelaki	1	1	1
Bergu Lelaki	1	1	1
Berpasukan Lelaki	1	1	1
	<u>3</u>	<u>3</u>	<u>3</u>

### Wanita

Perseorangan Wanita	1	1	1
Bergu Wanita	1	1	1
Berpasukan Wanita	1	1	1
Bergu Campuran	1	1	1
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	4	4	4
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

13.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan Oleh :-  
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan  
SUKAN MALAYSIA IX, 2002  
*peraturan am SUKMA 2002/091001/BADMINTON/dila*